

11 FEB 2003

MALAYSIA SOKONG USAHA HALANG RANCANGAN NATO LINDUNGI TURKI

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Malaysia menyokong penuh usaha Perancis, Jerman dan Belgium untuk menghalang rancangan Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato) untuk melindungi Turki jika tercetus perang Iraq, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Nampaknya jelas pendirian mereka menentang perang dan untuk mencari jalan penyelesaian lain terhadap masalah Iraq.

"Dan saya berpendapat, kita menyokong penuh usaha ini," kata Perdana Menteri apabila ditanya mengenai rancangan tiga negara anggota Nato itu untuk menghalang pelaksanaan prosedur ketenteraan Nato bagi melindungi Turki yang juga anggota pertubuhan itu.

Dr Mahathir bercakap kepada pemberita selepas melancarkan pembangunan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di Kuala Lumpur City Centre di sini.

Perancis, Jerman dan Belgium berhujah bahawa persediaan mempertahankan Turki boleh dianggap sebagai menyokong tindakan ketenteraan terhadap Iraq walaupun usaha penyelesaian secara diplomatik masih berterusan.

Turki yang mungkin dijadikan pangkalan oleh tentera Amerika Syarikat bagi menyerang Iraq dari bahagian sempadan utara dilaporkan bimbang terhadap serangan balas jirannya itu.

-- BERNAMA

HS MFJ MOZ